

KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Penyiaran Segera
18 April 2024**

**MENARA MERDEKA 118 BANGUNAN MEGA TINGGI PERTAMA DI MALAYSIA
MENERIMA PENSIJILAN LEED PLATINUM**

Menetapkan standard kelestarian tertinggi untuk bangunan di Malaysia

KUALA LUMPUR, 18 April 2024: Projek menara Merdeka 118 telah dianugerahkan pensijilan Platinum Leadership in Energy and Environmental Design (LEED) berprestij dalam sistem penarafan Core & Shell LEED v2009, menjadikan ia bangunan mega tinggi pertama di Malaysia yang mencapai pengiktirafan sedemikian.

Pensijilan LEED mengiktiraf pematuhan projek tersebut terhadap kriteria yang ditetapkan dalam sistem penarafan LEED, yang dihasilkan dan diselia oleh U.S. Green Building Council (USGBC). Program pensijilan tersebut dikendalikan oleh Green Business Certification Inc. (GBCI).

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PNBMV), sebuah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad, adalah pemilik dan pembina Merdeka 118. Dengan ketinggian sebanyak 678.9 meter, Merdeka 118 adalah menara tertinggi di Asia Tenggara dan yang kedua tertinggi di dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif PNBMV Tengku Dato' Ab. Aziz Tengku Mahmud berkata pensijilan Platinum LEED menandakan pencapaian besar pertama dalam perjalanan Merdeka 118 untuk menjadi bangunan mega tinggi pertama di Malaysia yang memperoleh penarafan platinum tiga-hijau.

“Apabila menara Merdeka 118 menerima kesemua pensijilan platinumnya nanti, ia akan menetapkan standard kelestarian tertinggi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa, mengukuhkan lagi statusnya yang ikonik,” katanya.

Merdeka 118 sedang mensasarkan pensijilan Platinum dari Green Real Estate (GreenRE) dan Green Building Index (GBI). Ia juga bakal mendapatkan pensijilan WELL dari International WELL Building Institute Asia Pacific, menyokong kesejahteraan para penyewa dan komuniti di sekitarnya.

Tengku Dato' Ab. Aziz berkata USGBC menilai projek Merdeka 118 dalam bidang kelestarian tapak, kecekapan penggunaan air, tenaga dan atmosfera, bahan dan sumber, kualiti persekitaran dalaman, dan inovasi dalam reka bentuk. Kredit juga diberikan kepada landskap yang cekap air, pengurangan penggunaan air, prestasi tenaga yang dioptimumkan dan peningkatan penyelarasan.

“Pengiktirafan yang selayaknya ini adalah bukti dedikasi dan kerja keras pasukan kami serta penggunaan amalan terbaik dalam reka bentuk dan pembinaan,” katanya.

Meliputi lebih 3.1 juta kaki persegi luas lantai kasar, menara Merdeka 118 merangkumi 84 tingkat ruang pejabat Premium Kelas-A, 17 tingkat Hotel Park Hyatt Kuala Lumpur yang pertama dan satu-satunya di Malaysia, The View at 118, dek Pemerhatian tertinggi di Asia Tenggara dan bersambung terus dengan 118 Mall yang akan menawarkan gabungan pelbagai premis jualan yang menarik.

Keseluruhan pembangunan tersebut bersambung dengan taman berlandskap dan ruang terbuka seluas 4 ekar yang dikenali sebagai 'Merdeka Boulevard at 118'. Kesemua aset ini terletak bersebelahan dengan dua mercu kebangsaan Malaysia - Stadium Negara dan Stadium Merdeka - di mana kemerdekaan negara diisytiharkan secara rasmi pada tahun 1957. Kawasan yang kaya dengan sejarah dan budaya ini bakal menawarkan sebuah presint dengan visi inklusif di mana kerja dan kehidupan diaktifkan sepenuhnya, dengan ruang-ruang yang diatur dengan teliti untuk dinikmati oleh komuniti di negara ini.

- Tamat -

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PNBMV)

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad telah ditubuhkan pada Jun 2000 dan merupakan pemilik tanah serta penjaga tunggal Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Setelah itu, PNB Merdeka Ventures menjalankan usaha pemuliharaan yang teliti, melayakkan Stadium Merdeka untuk menerima Anugerah Kecemerlangan UNESCO bagi Program Pemuliharaan Warisan Budaya (Asia Pasifik) pada tahun 2008. www.merdeka118



@merdeka118



@merdeka_118

@precinct_



Merdeka118

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolionya merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta, dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami memberi tumpuan dalam meningkatkan kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia serta berazam untuk memenuhi tujuan kami dalam meningkatkan kehidupan kewangan rakyat Malaysia dari generasi ke generasi. Kami komited kepada kelestarian, amalan yang bertanggungjawab, dan penciptaan masa depan yang inklusif dan memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan dan komuniti di mana kami berkhidmat. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. Hanafi Ismail, PNBMV mhanafi_mi@pnb.com.my
2. Roman Lee, Weber Shandwick roman.lee@webershandwick.my